

10 JUL 2001

Marina-banduan

BANDUAN HIV TIDAK PERLU PENYISIHAN, KATA MARINA MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 10 Julai (Bernama) -- Banduan HIV/Aids tidak perlu disisihkan, kata Presiden Yayasan Aids Malaysia Datin Paduka Marina Mahathir.

"Penyisihan itu hanya akan memberi stigma dan tidak membantu," katanya kepada pemberita selepas meyerahkan cek bernilai RM102,000 daripada yayasan itu kepada Persatuan Pengasih Malaysia bagi membantu persatuan itu membiayai projek-projeknya dalam tahun 2001.

Marina menyatakan perkara itu ketika ditanya berkaitan cadangan pesuruhjaya Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (Suhakam) Prof Hamdan Adnan agar diadakan penjara khas bagi pesalah yang mengidap Aids atau pembawa HIV.

Hamdan berkata penjara khas itu sepatutnya diuruskan oleh pegawai atau warden yang telah diberikan latihan khas bagi menangani pesalah yang mengidap atau pembawa HIV.

Marina berkata yang penting adalah mereka yang berada di penjara diberikan pendidikan tentang HIV/Aids.

Marina juga meminta kerajaan agar segera memasukkan senarai harga ubat HIV/Aids yang baru ke dalam 'buku biru' Kementerian Kesihatan.

"Supaya lebih ramai pesakit HIV/Aids boleh mendapatkannya ubat tersebut di farmasi dan hospital," katanya.

-- BERNAMA

MUN ES RI